

Syarikat penerbangan tanggung kerugian RM100,000 kerana tali wau

KOTA BHARU - Pemain wau di negeri ini dinasihatkan tidak mengganggu kawasan pendaratan pengangkutan udara jika menerbangkan wau bagi mengelakkan kejadian tidak diinginkan berlaku.

Pengurus Operasi Domestik Weststar Aviation Services Sdn Bhd, Datuk Jamil Osman berkata, sebagai sebuah syarikat pengangkutan helikopter pesisir pantai bagi industri minyak dan gas antarabangsa, pihaknya memandang serius hal itu kerana ada antara wau yang diterbangkan itu menjadi ancaman keselamatan buat mereka.

"Jika pemain wau menerbangkan wau tradisi di kawasan sekitar zon Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalan Chepa dan berada dalam jarak lima kilometer di kawasan berkenaan, ia boleh mengganggu juruterbang dan mereka perlu berhati-hati untuk mengelak ber-

tembung dengan tali wau.

"Insiden kemalangan pernah berlaku melibatkan tali wau tersangkut pada kipas helikopter syarikat kami. Dua kali berlaku, menyebabkan kami terpaksa menanggung kerugian RM100,000 atas kerosakan yang dialami," katanya selepas sidang media

Pertandingan Dikir Barat Wau Bule Selamat Sokmo Tingkat Kesedaran Ancaman Permainan Wau Kepada Helikopter di Sekitar Kawasan Terhad LTSIP, Kota Bharu di sini, semalam.

Jamil berkata, atas kesedaran itulah pihaknya termasuk syarikat minyak dan cari gali Hess, Repsol dan Petrofac bekerjasama melancarkan kempen 'Wau Bule Selamat Sokmo' sebagai platform meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai perkara tersebut.

"Diharap, mesej yang disampaikan melalui kempen ini mencapai matlamat," katanya.



Jamil (kanan) memegang tali wau yang menjadi ancaman utama kepada juruterbang helikopter dan penerbangan lain sekitar kawasan lapangan terbang selepas sidang media, semalam.